

# Penyakit Buah Hitam

## PUNCA

- Penyakit buah hitam disebabkan oleh kulat ***Phytophthora palmivora*** yang juga menyebabkan penyakit kanker. Penyakit ini agak serius di kawasan-kawasan yang mendapat taburan hujan yang tinggi serta persekitaran yang lembab yang berpanjangan.

## SIMPTOM

- Bintik-bintik perang di permukaan buah dalam masa 1 atau 2 hari selepas spora menjangkiti permukaan buah.
- Bintik-bintik ini membesar sehingga seluruh buah menjadi perang atau hitam.
- Sporangia akan dihasilkan dipermukaan buah berwarna keputihan, kelihatan seperti dirinjis dengan tepung selepas buah menjadi busuk.
- Selepas 14 hari jangkitan biji koko akan rosak dan tidak boleh digunakan lagi.

## PENYEBARAN

- Sporangia akan dihasilkan apabila keadaan lembab dan suhu antara 20oC – 30oC.
- Zoospora disebarkan oleh air hujan dan percikan air. Angin, serangga dan rodensia juga membantu menyebarkan spora kulat ini.

## PENGAWALAN

- Buah-buah hitam perlu dibuang dari ladang koko dan dimusnahkan. Ini dapat mengurangkan sumber inokulum kulat ini.
- Amalan kultural yang baik seperti langkah-langkah pengawalan yang diterangkan dibahagian penyakit kanker.
- Penggunaan fungisid tidak ekonomi, tetapi racun kulat seperti Calaxin atau Alliette boleh digunakan sekiranya serangan terlalu teruk.

